

# lokal

Oleh Nurul Husna  
Mahmud  
nurul\_husna@  
hmetro.com

## Kuala Lumpur

**K**uala Lumpur memang layak dinamakan bandar paling mesra di dunia kerana sentiasa buat orang pertama kali berada di sini terus selesa dan jatuh cinta.

"Saya sendiri sebaik keluar dari lapangan terbang, masuk ke bandar, tidak berasa terasing sebaliknya seperti pulang ke negara sendiri," kata Pensyarah Violin Fakulti Seni Kreatif Universiti Malaya (UM) Dr Chang Yi-Li.

Sejak 2018, beliau berhijrah ke Malaysia atas minat untuk menjadi tenaga pengajar muzik, dia tidak menafikan layanan rakyat tempatan antara perkara yang membuatkannya terasa sensitif dialu-alukan.

"Saya perasan, cara orang tempatan, biarpun tinggal di bandar, mereka suka meraih kehadiran orang baru terutama ekspatriat untuk mengenali budaya."

"Saya pernah sehari menghabiskan masa meraikan Aidiladha di

# 'Kuala Lumpur bandar paling mesra di dunia'

*Yi-Li tak rasa terasing sebaik jejak kaki di ibu kota*

rumah seorang rakan sekera-

ja. Menariknya, biarpun kali pertama kenal, mereka menyapa seolah-olah saya ini sebahagian ahli keluarga.

"Menyebabkan saya lebih kagum ialah semua ahli keluarga berkumpul dan melakukan aktiviti bersama seperti makan serta berbual sepanjang hari.

"Benarlah cerita rakan saya yang pernah berkunjung ke Malaysia sebelum ini mengenai keunikan Malaysia terutama dalam bab makanan dan orang tempatan," katanya yang pernah mene- tap di Ame-

rika Syarikat bagi melanjutkan pengajian dalam Sarjana Muzik Awal.

Tambah Yi-Li, keunikan pelbagai bangsa juga menjadikan Malaysia penuh warna-warni terutama muziknya.

"Saya pernah menyertai atau terlibat secara tidak langsung dengan satu kumpulan muzik India. Itu membuka perspektif muzik di Malaysia terutama klasik yang cukup dipelihara masyarakatnya.

"Saya juga berasa, ekspatriat boleh tinggal di Kuala Lumpur kerana mereka boleh

rasa 'kemesraan' itu menerusi makanan. Saya adalah peminat makanan kampung dan sajian paling disukai ialah soto. Saya boleh memakannya setiap hari.

"Sebenarnya, saya rasa sudah menjadi seperti orang tempatan apabila selesa dalam komuniti tempatan," katanya.

Beliau turut mengakui tiada masalah untuk mendapat apa sahaja keperluan apabila tiba di Kuala Lumpur kerana rakan sekerja di kampus banyak memberi saranan untuk menyesuaikan diri di Kuala Lumpur.



YI-LI menggemari makanan tempatan terutama soto.

**“ Benarlah cerita rakan saya yang pernah berkunjung ke Malaysia sebelum ini**  
Yi-Li



**KUALA**  
Lumpur sebuah kota raya yang sarat dengan keunikan.